

KENYATAAN AKHBAR UNTUK SIARAN SEGERA

Rizal Rickman Ramli Dilantik Pengerusi Baharu Sime Darby Property

- Beliau menggantikan Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz sebagai Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif berkuatkuasa 7 Mei 2021;
- Visi jelas wawasan Tan Sri Dr. Zeti berjaya memangkin transformasi semasa dan peluasan portfolio pendapatan syarikat;
- Strategi 'SHIFT 2.0' diperbaharui untuk memacu evolusi syarikat daripada sebuah pemaju harta tanah berfokus khusus, kepada sebuah syarikat pembangunan harta tanah yang lestari dan dilengkapi dengan portfolio yang lebih luas.

ARA DAMANSARA, 6 MEI 2021 – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) hari ini mengumumkan persaraan Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz sebagai Pengerusi Syarikat pada penutup Mesyuarat Agung Tahunan (“AGM”) ke-48 yang diadakan secara maya. Tan Sri Dr. Zeti yang merupakan Pengerusi wanita pertama Sime Darby Property telah menyatakan hasrat untuk tidak dilantik semula sebagai Pengerusi, jawatan yang telah dipegang oleh beliau sejak Julai 2018.

“Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada para pemegang saham Syarikat di atas kepercayaan serta sokongan berterusan yang diberikan kepada kami. Sokongan ini amatlah berharga terutamanya bagi tahun 2020 yang merupakan salah satu tempoh yang paling mencabar bagi Sime Darby Property. Saya menganggap peluang berkhidmat sebagai Pengerusi Syarikat yang diamanahkan sejak 2018 ini sebagai satu penghormatan. Sime Darby Property memiliki aset bernilai tinggi, dan digandingkan dengan inisiatif-inisiatif transformasi yang sedang dijalankan, kini berada di landasan tepat untuk memacu pertumbuhan Syarikat. Saya mempunyai kepercayaan penuh terhadap kebolehan dan tanggungjawab Ahli Lembaga Pengarah serta Pengurusan Kanan dalam memastikan Sime Darby Property akan terus meningkatkan nilai perniagaannya secara berterusan untuk kepentingan semua pihak berkepentingan, terutamanya para pemegang saham”, kata Tan Sri Dr. Zeti.

Sepanjang tempoh beliau berkhidmat sebagai Pengerusi Sime Darby Property, Tan Sri Dr. Zeti telah berjaya menginstitusikan visi yang jelas dan seterusnya memacu Syarikat dalam meluaskan portfolio pendapatannya untuk merangkumi saluran-saluran pendapatan baharu bagi meningkatkan daya saing Sime Darby Property.

Hasilnya, Sime Darby Property kini berada di kedudukan yang kukuh untuk meraih keuntungan daripada enjin pertumbuhan baharunya yang merangkumi aset-aset perindustrian dan logistik yang dijangka akan berkembang seiring dengan peningkatan aktiviti perdagangan elektronik.

Pengalaman dan kepimpinan Tan Sri Dr. Zeti juga amat bernalih kepada Sime Darby Property dalam usaha Syarikat mengatasi isu-isu legasi, berikutan pemisahan syarikat-syarikat Kumpulan Sime Darby berdasarkan pengkhususan perniagaan (*'pure play'*) yang terdahulu. Ini termasuk usaha untuk mengurangkan inventori harta tanah yang tidak terjual dan pembaharuan organisasi di peringkat korporat dan operasi. Sime Darby Property telah memulakan usaha transformasi yang bakal menyaksikan evolusi Syarikat daripada sebuah pemaju harta tanah yang fokus kepada sebuah syarikat pembangunan harta tanah yang lestari dan dilengkapi dengan portfolio yang lebih luas.

Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato' Azmir Merican berkata, "Tan Sri Dr. Zeti telah memimpin Lembaga Pengarah Syarikat dalam fasa yang amat penting dalam sejarah Sime Darby Property. Ia merupakan satu penghormatan bagi Sime Darby Property untuk memanfaatkan visi beliau yang jelas, dan ini telah membentuk asas kepada fasa transformasi kami yang seterusnya. Pandangan jauh beliau telah mendorong Sime Darby Property untuk menerokai pertumbuhan baru dalam segmen pembangunan harta tanah. Bagi pihak Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan dan kakitangan Sime Darby Property, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Tan Sri Dr. Zeti atas sumbangan yang amat bernalih kepada Syarikat selama tiga tahun beliau memegang jawatan sebagai Pengerusi."

Permodalan Nasional Berhad ("PNB"), yang merupakan pemegang saham majoriti Sime Darby Property, juga baru-baru ini telah mengumumkan persaraan Tan Sri Dr. Zeti sebagai Pengerusi PNB berkuatkuasa 30 April 2021. Sebagai Pengerusi PNB, beliau telah memacu perjalanan transformasi pengurus dana terbesar negara ini yang merangkumi usaha kepelbagaiannya portfolio pelaburan ke dalam kelas aset dan pasaran global yang lebih luas, pengukuhan keupayaan pengurusan risiko dan kecairan, dan transformasi organisasi di seluruh kumpulan yang telah menghasilkan inovasi digital, kecekapan operasi dan pengembangan bakat menerusi pelbagai inisiatif.

Berikutan daripada AGM Sime Darby Property yang ke-48, Syarikat telah mengumumkan pelantikan Rizal Rickman Ramli sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Syarikat untuk menggantikan Tan Sri Dr. Zeti, berkuatkuasa 7 Mei 2021. Beliau dilantik menyertai Lembaga

Pengarah Sime Darby Property sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 5 April 2018, dan juga merupakan Ketua Pegawai Pelaburan, Pelaburan Persendirian dan Strategik di PNB.

Rizal Rickman menyertai PNB pada Mac 2018 sebagai Naib Presiden Eksekutif Bahagian Hartanah, sebelum dilantik sebagai Ketua Pegawai Pelaburan, Hartanah pada tahun 2020. Di bawah kepimpinan beliau, saiz portfolio hartanah PNB telah meningkat dua kali ganda dengan fokus yang lebih luas meliputi pelaburan baharu seperti logistik, perindustrian dan perumahan. PNB kini memiliki portfolio hartanah yang pelbagai dan meliputi pelaburan dalam pasaran-pasaran di Amerika Syarikat, Jepun, Australia, Poland, Jerman, Belanda dan United Kingdom.

Rizal Rickman telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Pelaburan, Pelaburan Persendirian dan Strategik di PNB pada April 2021. Berikutan pelantikan ini, beliau kini mengetuai tiga bahagian iaitu Hartanah, Pasaran Persendirian dan Pelaburan Strategik.

Sebelum menyertai PNB, Rizal Rickman merupakan *Country Managing Partner* di *The Boston Consulting Group (“BCG”)* di Malaysia. Sepanjang di BCG, beliau memainkan peranan sebagai pakar perunding kepada syarikat-syarikat dari lebih 10 negara dan berjaya meletakkan BCG Malaysia sebagai hab serantau bagi perkhidmatan perniagaan. Kepakaran beliau meliputi bidang pembangunan strategi, inovasi dan perkembangan model perniagaan, serta transformasi di peringkat korporat dan industri.

Rizal Rickman juga memegang jawatan sebagai Pengarah di Velesto Energy Berhad, syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia sejak Mac 2018. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah di syarikat-syarikat tersenarai lain seperti Pelaburan Hartanah Nasional Berhad, MIDF Property Berhad dan Lanjut Golf Berhad. Beliau memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dengan pengkhususan dalam bidang Kewangan dan Operasi dari Kellogg School of Management, Northwestern University, dan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi dari University of Chicago.

“Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan pelantikan Rizal Rickman sebagai Pengurus Sime Darby Property. Kami yakin beliau akan memastikan kesinambungan dalam inisiatif-inisiatif untuk mengatasi isu-isu legasi dan memperkuuhkan kedudukan kewangan Syarikat. Sokongan beliau terhadap inisiatif-inisiatif transformasi yang sedang dijalankan serta

pengalaman beliau menerajui inisiatif seperti ini di peringkat antarabangsa akan membantu Sime Darby Property dalam merealisasikan objektif Syarikat”, tambah Dato’ Azmir Merican.

Sime Darby Property Memperbaharui Strategi ‘SHIFT 2.0’

Sewaktu persidangan AGM Sime Darby Property, Dato’ Azmir Merican telah membentangkan prestasi Syarikat bagi tahun kewangan 2020 (“TK2020”) dan berkongsi strategi ‘SHIFT 2.0’ yang diumumkan buat kali pertamanya pada 2019. Strategi ini telah diberi nafas baru untuk mengambil kira impak dari pandemik COVID-19 dan juga suasana pasaran semasa.

Empat keutamaan korporat telah disenaraikan untuk memacu evolusi Syarikat daripada sebuah pemaju harta tanah berfokus khusus kepada sebuah syarikat pembangunan harta tanah yang lestari menjelang 2025. Keutamaan-keutamaan yang telah dikenalpasti adalah peluasan portfolio pendapatan, pengasahan kecekapan tenaga kerja, penghasilan program jangka panjang transformasi digital dan pembentukan kecekapan baru melalui pengurusan strategik kawasan tanah dan juga penjalinan perkongsian strategik.

Dato’ Azmir Merican berkata, “Sime Darby Property telah berjaya menangani cabaran dan kesan daripada COVID-19 dengan tangkas serta telah mengambil peluang ini untuk memperbaharui strategi dan pelan taktikal untuk pertumbuhan seterusnya. Ini adalah usaha kami untuk meletakkan Sime Darby Property sebagai sebuah syarikat pembangunan harta tanah yang lestari dan dilengkapi dengan portfolio yang lebih luas menjelang 2025.”

Seiring dengan transformasi organisasi PNB untuk meningkatkan inovasi digital, Dato’ Azmir juga berkongsi mengenai aspirasi digital Sime Darby Property, “Teknologi sememangnya pemangkin yang penting bagi kami untuk mencapai visi sebagai peneraju dalam pembinaan komuniti lestari. Baru-baru ini kami telah mengumumkan perkongsian bersama Microsoft, yang merupakan sebahagian daripada usaha Sime Darby Property untuk memodenkan sistemnya dan meningkatkan pengalaman para pelanggan. Tujuan utama Syarikat adalah untuk mewujudkan ekosistem yang dibina atas sebuah platform holistik yang mampu memberikan pengalaman yang terbaik bagi pelanggan kami.”

Dalam suku pertama tahun kewangan 2021, Sime Darby Property telah diiktiraf dengan pelbagai anugerah yang antaranya termasuk pengiktirafan sebagai *BCI Asia’s Top 10 Developers* di Malaysia; tiga anugerah di *The StarProperty Awards*, sebagai ‘*Best Overall Champion*’ dan

'Excellence in the Neighbourhood Award – Best Comprehensive Township' untuk Serenia City, dan juga anugerah daripada kategori *'All-Star Award, in the Most Transparent Developer'*. Anugerah-anugerah ini menambah kepada pengiktirafan yang telah diterima oleh Sime Darby Property dalam tahun kewangan 2020 iaitu *FIABCI World Prix d'Excellence Awards*, *The Edge Property Excellence Awards*, *Malaysia Landscape Architecture Awards*, dan *Construction Quality Excellence Awards*.

Semua resolusi mengikut agenda yang dibentangkan di AGM Sime Darby Property yang ke-48 telah diluluskan oleh para pemegang saham melalui undian elektronik. Ini merupakan kali kedua Sime Darby Property mengadakan AGM secara maya dan seramai 993 pemegang saham telah mengambil bahagian dalam sesi ini.

-TAMAT-

Mengenai Sime Darby Property.

Sime Darby Property adalah pemaju harta tanah terkemuka dengan kadar kejayaan yang kukuh dalam membangunkan komuniti lestari selama lebih dari 48 tahun. Dengan 24 bandar dan pembangunan yang aktif, Sime Darby Property mempunyai jangkauan luas yang merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property menandakan kehadirannya di UK melalui penglibatannya sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia untuk membangunkan Projek *Battersea Power Station* di London.

Sebagai ahli korporat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property dan kumpulan dermawannya Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai usaha untuk membantu komuniti kurang berkemampuan yang tinggal di dalam dan berdekatan kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat harta tanah yang banyak memenangi pelbagai anugerah dengan pelbagai penghargaan antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property adalah satu-satunya pemaju harta tanah Malaysia yang terpilih sebagai komponen indeks Dow Jones Sustainability Indices (DJSI) untuk dua tahun berturut-turut pada tahun 2018 dan 2019.

Ia merupakan pemaju harta tanah Malaysia yang pertama dianugerahkan dengan FIABCI Prix d'Excellence sebanyak dua kali untuk bandar Subang Jaya dan UEP Subang Jaya. Syarikat ini meraih emas yang ke-10 secara berturut-turut di Putra Brand Awards 2019 dan yang ke-9 di Top 10 Developers Awards di BCI Asia 2020.

Sime Darby Property juga telah diiktiraf sebagai salah satu pemaju harta tanah teratas di Malaysia di dalam The Edge Top Property Developers Awards tahunan, satu pengiktirafan yang sering diterima oleh syarikat ini secara konsisten sejak 2009.

Untuk maklumat lebih lanjut, sila lawati www.simedarbyproperty.com

Hubungan Media: Sharmila Nair | +6012-617 7860 | sharmila.nair@simedarbyproperty.com

**Bagi sebarang pertanyaan lanjut, sila kemukakan melalui emel kepada
group.communications@simedarbyproperty.com**